


**SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2013**  
**TAHUN 5**  
**BAHASA MELAYIA**  
**Kertas 2**  
**Masa : i jam 15 minit**

**Bahagian A**  
(10 markah)  
( Masa yang dicadangkan : 15 minit )

Gambar di bawah menunjukkan suasana di sebuah pusat beli belah. Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti di situ.



**Bahagian B**  
( 30 markah )  
( Masa yang dicadangkan : 40 minit )

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan**.

1. Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa "Seperti kacang melupakan kulit".

**ATAU**

2. Tulis karangan yang bertajuk "Aku Seutas Rantai Emas".

**ATAU**

3. Tahun ini anda akan menghadapi peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan persediaan yang telah anda lakukan bagi menghadapi peperiksaan tersebut.

### **Bahagian C**

( 20 markah )

( Masa yang dicadangkan : 20 minit )

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Kemudahan awam disediakan untuk kegunaan orang ramai. Antara kemudahan awam yang banyak disediakan untuk orang ramai ialah telefon awam.

Wang yang begitu banyak telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk menyediakan telefon awam terutamanya di kawasan luar bandar. Sayangnya, terdapat sekumpulan manusia yang tidak bertanggungjawab yang suka merosakkan telefon awam.

Segala kerosakan itu perlu dibaiki dan tentunya menelan perbelanjaan yang besar. Manakan tidak, ada telefon awam yang tidak berganggang akibat dicuri. Kita turut berasa malu apabila mendapati pondok telefon digores dengan kata-kata lucah. Bayangkanlah apabila berlaku kecemasan, telefon yang amat diperlukan pada waktu itu tidak dapat digunakan kerana rosak.

**- KERTAS SOALAN TAMAT -**